



SMTU KAJIAN MENGENAI KERENKESANAN PERINTUKRAN KESALAHAN  
JENAYAH KHALWAT DI DALAM ENAKMEN PENTADBIRAN UCAMA ISLAM  
DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG 1982 PINDAAN 1987 PADA MEM-  
BENDUNG KERUMPUTAN AKHLAK UMAT ISLAM DI PAHANG

MURAD BIN ABDUL MUTALIB

KULLIYAH UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA  
MALAYSIA  
90/91

KULLIYAH UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI ISLAMI ANTARABANGSA  
MALAYSIA

SATU KAJIAN MENGENAI KEBERKESANAN PERUNTUKKAN KESALAHAN  
JENAYAH KIALWAT DI DALAM ENAKIEN PENTADBIRAN UGAMA ISLAM  
DAN ADAT KESAM MELAYU PAHANG 1982 PINDAAN 1987 PADA MEM-  
BENDUNG KERUNTUHAN AKHLAK UMAT ISLAM DI PAHANG

OLEH

NURAD BIN ABDUL MUTALIB

Latihan ilmiah ini diterima oleh Kulliyyah Undang-undang  
bagi memenuhi keperluan Diploma Undang-undang Dan Pentadbiran  
Kohakimian Islam Sesi 1990/91.

LIBRARY  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY

KULLIYAH UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI ISLAMI ANTARABANGSA  
MALAYSIA

SATU KAJIAN MENGENAI KEBERKESANAN PERUNTUKKAN KESALAHAN  
JENAYAH KHALWAT DI DALAM ENAKMEN PENTADBIRAN UGAMA ISLAM  
DAN ADAT RESAM MELAYU PAILANG 1982 PINDAAN 1987 PADA MEM-  
BENDUNG KERUNTUHAN AKILAK UMAT ISLAM DI PAHANG

OLEH

MURAD BIN ABDUL MUTALIB

Latihan ilmiah ini diterima oleh Kulliyyah Undang-undang  
bagi memenuhi keperluan Diploma Undang-undang Dan Pentadbiran  
Kehakiman Islam Sesi 1990/91.

---

PEMELLA

---

TARIKH

---

DIXXAN

---

TARIKH

PENGHARGAAN

Penulis mengatur setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya dapat penulis menyiapkan Latihan Ilmiah ini. Semoga usaha yang sekecil ini diberkati oleh Allah SWT dan dapat pula memberikan faedah kepada semua pohak.

Menoruci kesempatan ini juga, penulis ingin morakamkan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada Penyelia Latihan Ilmiah ini iaitu Yang Berbahagia Tan Sri Syed Agil Barakbah dan kepada seluruh pensyarah dan kakitangan Universiti Islam Antarabangsa.

Setinggi penghargaan dan penghormatan penulis wujudkan untuk Ummi dan Daddy serta kaum keluarga dan sahabat handai sokolian yang banyak sekali memberikan dorongan dan pertolongan di dalam menyiapkan kajian ini. Begitu juga kepada Puan Nurlaila binti Hj.Ahmad yang turut sama menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Semoga Allah SWT sahajalah yang membalaas budi baik kalian dengan keampunan dan rahmatNya serta merestui kita semua di dalam mengharungi hidupan di dunia ini. Amin.  
Selcian. Wassalamm.

Murad bin Dato' Abdul Mutalib

No.25,Lorong Longkok Kiri 5,  
Taman Tanah Putih Baru,  
25150 Kuantan.

Kulliyyah Undang-undang  
Universiti Islam Antarabangsa,  
Petaling Jaya.

Syawal 1412  
April 1992

DANTAR ISI

	<u>Halaman</u>
Ponghargaan .....	iv
Daftar Isi .....	v

Bab I - Pendahuluan

1.1 Latarbelakang Masalah .....	1
1.2 Pengertian Tajuk .....	2
1.3 Tujuan Penyelidikan .....	4
1.4 Methodologi Penyelidikan .....	6
1.5 Susunan Penulisan .....	8

Bab II - Landasan TeoriJenayah Di Dalam Islam

2.1 Bahagian Jenayah Menurut Hukuman .....	10
2.2 Kategori Jenayah Menurut Islam .....	11
2.3 Hudud .....	11
2.4 Qisas .....	12
2.5 Ta'zir .....	13
2.5.1 Bahagian Ta'zir .....	14
2.5.2 Hukuman Ta'zir .....	15
2.6 Kesimpulan .....	15

Enakmon Pentadbiran Ugama Islam Dan Adat RosamMelayu Pahang 1982, Pindaan 1987

2.7 Pendahuluan .....	16
2.8 Seksyen Kesalahan Jenayah Khalwat ....	17

Bab III-Kesalahan Jenayah Khalwat Di Negeri PahangDARUL MAKJUR

3.1 Analisa Kesalahan Jenayah Khalwat Di Negeri Pahang Darul Makmur Mengikut Daerah Dari Tahun 1982 - 1991 .....	21
--	----

3.1.1	Kesimpulan .....	22
3.2	Faktor-faktor Yang Membawa Kepada Berlakunya Kesalahan Jonayah Khalwat ....	22
3.2.1	Faktor Dalaman .....	22
3.2.2	Faktor Luaran .....	25
3.3	Tempat-tempat Berlakunya Kesalahan Jonayah Khalwat .....	28
3.4	Usaha-usaha Jabatan Agama Islam Pahang Dalam Mengatasi Masalah Jonayah Khalwat	30
3.4.1	Bahagian Dakwah .....	30
3.4.2	Bahagian Penguatkuasa .....	31
3.5	Kesimpulan .....	32

Bab IV - Penutup

4.1	Kesimpulan .....	34
4.1.1	Dapatkan Undang-undang Dijadikan Sebagai Satu Langkah Mengatasi Jonayah .....	35
4.1.2	Perlembagaan Perselutuan Sbagai Perundangan Negara .....	35
4.1.3	Kedudukan Agama Islam Di Malaysia .....	37
4.1.4	Keterhadan Bidangkuasa Mahkamah Syariah .....	37
4.1.5	Halangan-halangan Intelektual..	38
4.1.6	Sikap Masyarakat .....	40
4.2	Saranan-saranan .....	40
4.2.1	Pindaan Perlembagaan .....	40
4.2.2	Bidangkuasa Mahkamah Syariah ..	41
4.2.3	Masyarakat Juga Perlu Berubah Sikap .....	44
4.3	Penutup .....	44

## BAB I

### PENDAHULUAN

### 1.1 Latarbolakang Masalah

Tidak dapat dinafikan di zaman yang sorba maju ini, nilai-nilai akhlak dan moral semakin merosot. Setiap hari kita mendengar atau terbaca dari akhbar-akhbar mongonai perlenggaran nilai tersebut. Masalah ini bukan sahaja melibatkan muda-mudi, malah juga kepada golongan orang tua. Akibatnya, tidak sedikit yang menjadi kes Mahkamah.

Sehubungan dengan perlenggaran nilai tersebut, masalah yang paling ketara ialah masalah jenayah. Kejadian merompak, mencuri, rogoz dan sebagainya turus menjadi-jadi di merata dunia termasuk negara kita Malaysia.

Di Malaysia, walaupun telah dipruntukan dan diwujudkan satu undang-undang jenayah iaitu Kanun Kesiksaan, namun kejadian jenayah masih tidak berkurangan di seluruh negara termasuk di Negeri Pahang Darul Makmur. Kemudian diwujudkan pula undang-undang jenayah syariah di Mahkamah Syariah yang bertujuan mengawal orang-orang Islam sahaja. Walaubagaimanapun kewujudannya masih lagi tidak dapat mengatasai masalah kejadian jenayah syariah terutama sekali jenayah khalwat. Inilah yang mendorong penulis untuk membuat kajian somuga hasil dari kajian ini kelak dapat sama-sama memberi manfaat kepada kita semua orang-orang Islam khasnya dan manusia keseluruhan amnya.

## 1.2 Penjelasan Tajuk

Tajuk kajian penulis ialah berbunyi: "Satu Kajian Mengenai Keberkesanan Peruntukan Kesalahan Jonayah Khalwat Di Dalam Enamnen Pentadbiran Ugama Islam Dan Adat Rosam Melayu Pahang 1982 Pindaan 1987 Pada Membendung Keruntuhan Akhlak Umat Islam Di Pahang."

Sebelum dibahaskan mengenai keberkesanan peruntukan kesalahan jonayah khalwat di dalam membendung keruntuhan akhlak umat Islam di Pahang, perlulah diketahui terlebih dahulu arti jenayah dan khalwat itu sendiri.

Jenayah dari segi bahasa dipakai bagi menunjukkan nama bagi sesuatu perbuatan atau tindakan jahat yang dilakukan oleh seseorang dan ianya diharamkan oleh syara<sup>o</sup> samada perbuatan itu terhadap jiwa, harta dan sebagainya.<sup>1</sup>

Menurut As-Saiyid As-Sabiq pula, perkataan **جَنَاحَاتٌ** yang dicaribil dari perkataan **جَنَاحٍ** dengan erti momotik atau mengambil; dikutakan seperti momotik buah dari pokok.<sup>2</sup>

Manakala dari sudut istilah syara<sup>o</sup> pula, jenayah ialah semua perbuatan atau perlakuan yang diharamkan oleh syara<sup>o</sup> dari maklukannya kerana ia mendatangkan bahaya kepada ugama, jiwa, agal dan harta benda.<sup>3</sup>

Abdul Qadir <sup>o</sup>Audah pula mendefinisikan jenayah sebagai sesuatu perbuatan yang diharamkan oleh syara<sup>o</sup>, samada perbuatan itu dilakukan ke atas seseorang atau harta atau selain daripada itu.<sup>4</sup>

Muhammad Abu Zahrah mewajarkan jenayah itu sebagai sesuatu tindakan atau perbuatan yang melanggar hak atau kebonaran atau keadilan yang ianya merupakan sebagai satu perbuatan yang ditogah oleh Allah dan dianggap pendorhaka terhadap apa yang telah diperintahkan oleh Allah.<sup>5</sup>

Sokiranya kita morujuk kopala dofinasi undang-undang Barat pula, jenayah ditafsirkan daripada sesuatu perbuatan atau sebarang kesalahan yang membahayakan masyarakat, di mana sogala perbuatannya atau tindakannya boleh disabitkan kesalahan di sisi undang-undang dan ianya bertanggungjawab monorima hukuman denda atau penjara.<sup>6</sup>

Dari definasi-definasi yang telah diutarakan tadi, jelas menunjukkan bahawa jenayah adalah merupakan satu perbuatan yang dilarang dan mendatangkan koberukan kepada masyarakat. Mereka yang melakukannya wajar dibori pombalasan yang setimpal dan bertanggungjawab ke atas apa yang mereka lakukan.

Porkataan 'Khalwat' pula berasal daripada perkataan Arab yang diambil daripada porkataan ( الخلوة ) yang bererti: satu tempat yang sunyi, juga dikatakan orang yang suka bersendirian. Manakala istilah Khalwat dalam konteks kajian ponulio dari Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Dan Adat Rosam Nelayu Pahang 1982 Pindaan 1987 bermaksud bersunyi-sunyi untuk melakukan muzariat iaitu dalam kata lain beroumbu-cumbuan di antara seorang lelaki dan perempuan yang bukan suami isteri dan bukan pula mulirinya dalam keadaan bordu-duaan ataupun ramai dan sebaliknya di antara perempuan dan lelaki.

Seterusnya kajian ini dikaitkan pula dengan keadaan 'khalwat' atau beroumbuan yang dimaksudkan sebagaimana yang ditakrifkan di dalam Enakmen tersebut bagi mengawal keruntuhan akhlak umat Islam di Negeri Pahang Darul Makmur samada hanya berjaya ataupun tidak.

### 1.3 Tujuan Penyelidikan

Firman Allah SWT yang berbunyi:<sup>8</sup>

قُلْ هُنَّا مِنْ أَهْلِ الْجَنَاحِ الْمُسْتَوْكِنِ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ .

Maknanya:

"Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui."

FirmanNya lagi,<sup>9</sup>

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا يَسْهِنُ قَوْمٌ مِّنْ قَوْمٍ عَسَى أَنْ يَكُونُوا فَاغْنِيَّا مِنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِّنْ نِسَاءٍ عَسَى أَنْ يَكُونُوا فَاغْنِيَّا مِنْهُنَّ وَلَا تَنْمِرُوا إِنفَسَكُمْ وَلَا تَنْبِرُوا بِالْأَلْقَابِ بِئْسَ الْإِسْمُ الْفَسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ وَمَنْ لَمْ يَتَبَّعْ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ .

Maknanya:

"Hai orang-orang yang beriman, janganlah suatu kaum mengolok-olokkan kaum yang lain (kerana) boleh jadi mereka (yang diolok-olokkan) lebih baik dari mereka (yang mengolok-olokkan) dan jangan pula wanita-wanita (mengolok-olokkan) wanita-wanita lain (kerana) boleh jadi wanita-wanita (yang diperolok-olokkan) lebih baik dari wanita (yang mengolok-olokkan) dan janganlah kamu mencela dirimu sendiri dan janganlah kamu panggil memanggil dengan golar-gelar yang buruk. Seburuk-buruk panggilan ialah (panggilan) yang buruk sesudah beriman dan barangsiapa yang tidak bertaubat, maka morokah itulah orang-orang yang zalim."

Konsepsi dan pengolahan data kefahaman ayat yang tertera di atas menyimpulkan bahawa Islam menggalakkan umatnya untuk mencari ilmu pengetahuan kerana dengannya seseorang itu dapat membezakan sesuatu di antara yang baik dan yang buruk.

Hubungkait dari perspektif di atas pula telah mendorong penulis untuk melakukan kajian dan seterusnya memilih tajuk yang berbunyi: " Satu Kajian Mengenai Keberkesanannya Peruntukan Kesalahan Jenayah Khalwat Di Dalam Enammon Pentadbiran Ucama Islam

Dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 Pindaan 1987 Pada Nombondung Keruntuhan Akhlak Umat Islam Di Pahang." Dunia sebenarnya bukanlah pentas mimpi. Dari masa ke semasa ia mencemaskan kita terutama ko jadian jenayah yang berterusan berlaku di merata tempat. Negeri Pahang Darul Makmur juga tidak terlepas dari menghadapi fonomona ini.

Oleh korana fonomona ini wujud di tempat kelahiran penulis, maka tidaklah sepatutnya penulis melihat sahaja perkembangan ini dengan mengambil tindakan undang-undang kerana lambat-laun kita akan tersoret juga ke dalam masalah-masalah yang timbul akibat dari berleluasanya kejadian jenayah tersebut.

Objektif pemilihan tajuk tersebut adalah untuk melihat perspektif sejauhmanakah berleluasanya kejadian kesalahan jenayah khalwat ini di Negeri Pahang Darul Makmur ini. Bertitik tolak dari sini, penulis merasakan betapa pentingnya dibori perhatian dan pendedahan demi mencari penyelesaian ke arah mengurangkan dan jika boleh menghapuskan kadar jenayah khalwat khususnya di Negeri Pahang Darul Makmur.

Dari sini nantinya, Insya Allah berkomungkinan kita dapat membuat penilaian terhadap keberkesanan sistem dan peruntukan undang-undang yang ada pada hari ini yang telah diwujudkan untuk mengawal keadaan masyarakat di dalam konteks jenayah khalwat di Negeri Pahang Darul Makmur.

#### 1.4 Methodologi Penyelidikan

Di dalam menyiapkan latihan ilmiah ini, penulis menggunakan dua bentuk methodologi untuk mendapatkan bahan-bahan kajian ini:

1. Method pengumpulan data.
2. Method penghuraian data dan penulisan.

Dalam method pengumpulan data, penulis menggunakan beberapa kaedah iaitu:

##### i. Temuramah (Personal Interview)

Penulis telah menebus orang-orang tertentu yang penulis berkeyakinan mereka boleh memberi maklumat yang diperlukan. Mereka yang ponulis menemui merupakan orang-orang yang terlibat secara langsung dengan Pentadbiran Jabatan Agama Islam Pahang dan Majlis Agama Islam Pahang. Senarai mereka yang ditemuai dilampirkan di akhir penulisan ini.

##### ii. Pengamatan Dan Pemerhatian

Untuk monoari bahan tentang tajuk ini, Ibupekerja mengenai mereka yang terlibat dengan jenayah khawat dan juga seperti tempat-tempat berlakunya jenayah ini, penulis menggunakan method pemerhatian dan pengamatan. Ini supaya apa yang dikaji oleh penulis menebat dengan kejadian sebenar yang berlaku.

##### iii. Melalui Kajian Perpustakaan

Caranya ialah dengan mencari dan menganalisa pengertian-pengertian perkataan-perkataan tertentu dan tajuk-tajuk yang berkaitan dengan aspek penulisan ini untuk monoari hurai-huraian bagi mengemaskinikan lagi penulisan ini.

##### iv. Penyelidikan Dalaman

Penulis menggunakan teknik ini terutama di Pejabat Penulis sendiri iaitu Pejabat Pendakwa Mahkamah Syariah Pahang di Kuantan. Ini bertujuan untuk mendapatkan jumlah kes-kes jenayah

Ikhlas yang borlaku yang mana rukod-rokodnya tersimpan di Pojabat penulis sendiri.

Apabila penulis telah mendapatkan bahan-bahan dan maklumat-maklumat yang dikohondaki, maka sebaik itu penulis menggunakan pula method penguraian data dan penulisan data-data yang telah dikelumpukan itu. Seterusnya penulis membahagikan kajian mengikut bab-bab yang tertentu yang akhirnya memungkinkan penulis untuk membuat kesimpulan dan saranan terhadap masalah yang dikaji.

### 1.5 Susunan Penulisan

Untuk memudahkan kajian ini, penulis membahagikan kepada empat bab iaitu di dalam bab satu yang merupakan bab pendahuluan, terkandung di dalamnya latarbelakang masalah, pengertian kepada tajuk kajian dan tujuan penulis momilih dan mengatajinya. Di dalam bab ini juga penulis menorangkan method-method yang digunakan dalam penontuan sasaran penyelidikan dan juga susunan penulisan.

Di dalam bab yang kodua merupakan bab landasan teori, penulis membentangkan dengan terperinci pengertian yang dilakukan untuk dijadikan sebagai landasan kepada tajuk kajian ini. Ini termasuklah pengertian kepada pembahagian jenayah menurut hukum Islam serta kategorinya berasarkan jenayah hudud, qisas dan ta'zir. Begitu juga disentuh mengenai bidangkuasa Qadhi Besar dan Qadhi Daerah secara lengkap dan juga mengenai khususnya peruntukan bagi kesalahan jenayah khalwat sebagaimana yang terdapat di dalam Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Dan Adat Rosam Melayu Pahang 1982 Pindaan 1987.

Seterusnya di dalam bab yang ketiga, penulis memfokuskan kepada data-data kes kesalahan jenayah khalwat yang berlaku di Negeri Pahang Darul Makmur dari tahun 1982 hingga tahun 1991. Di dalam bab ini juga penulis seterusnya membentangkan faktor-faktor yang menyebabkan berkunya kesalahan ini, tempat-tempat yang sering dijadikan mangsa untuk melakukan kesalahan ini dan dicatatkan juga usaha-usaha yang telah, sedang dan akan dilakukan oleh pihak berkuasa untuk mengatasi kes jenayah khalwat ini.

Manakala di dalam bab yang keempat merupakan bab yang terakhir. Di dalam bab ini, penulis membuat analisa dan rumusan terhadap masalah yang menjadi sasaran kajian penulisan ini. Di sini penulis dapat membuat kesimpulan mengenai perkara itu dan seterusnya dapat pula memberikan saranan-saranan untuk kebaikan bersama dan akhir sekali menutup kajian ini.

Nota Kalsi

1. Abdul Qadir <sup>o</sup>Audah, At-Tasyri<sup>o</sup> Al-Jinai Al-Islami, II, Cetakan III, Darul Arabiah Al-Kahirah, 1964/1384, halaman 4.
2. As-Saiyid As-Sabiq, Fiqh As-Sunnah, At-Tab<sup>o</sup>ah As-Saniah Darul Kitab Al-Arabi, Beirut, Lubnan, 1973/1392, halaman 507.
3. Ibid.
4. Abdul Qadir <sup>o</sup>Audah, At-Tasyri<sup>o</sup> Al-Jinai Al-Islami Muqarinan bi Al-Qanun Al-Wad'i, juzu' 1, Cetakan 2, Kahirah, Maktabah Darul Arabiah, 1986, halaman 67.
5. Muhammad Abu Zahrah, Al-Jarimah Wal Uqubah Fi Al-Islam, Darul Fikri Al-Arabi, t.t., halaman 22.
6. P.G.Osborn, A Concise Law Dictionary, Fifth Edition, London, Sweet & Maxwell, 1964, halaman 97.
7. Al-Munjid Al-Abjidi, Boirut, Dar Al-Hasyrik, Cetakan II, 1968, halaman 419.
8. Al-Quran, Surah Ali <sup>o</sup>Imran, Ayat 104.
9. Al-Quran, Surah Al-Nahl, Ayat 125.

## **BAB II**

### **LANDASAN TEORI**

### JENAYAH DI DALAM ISLAM

#### 2.1 Bahagian Jenayah Menurut Hukuman

Jenayah sering digambarkan sebagai tindakan pen-cerobohan individu terhadap kelompok kerana konsep jenayah dan hukuman mempunyai kaitan rapat dengan pandangan sesuatu bangsa terhadap hubungan di antara individu dan masyarakat.

Bagi negara Kapitalis Barat yang mendewa-dewakan individu menganggap individu sebagai pusat seluruh kehidupan bermasyarakat. Maka di sini penjenayah dipandang dengan penuh kasihan dan dimanja-manjakan kerana mereka menganggap penjenayah tersebut sebagai korban dari kejelikan masyarakat atau konflik jiwa. Hukuman yang dikenakan pula agak ringan.

Komunisma yang mementingkan masyarakat seperti Negara China menganggap masyarakat seperti satu lembaga yang suci yang tidak harus dicerobohi oleh individu. Melalui konsep ini, hukuman yang berat dikenakan ke atas individu yang anti masyarakat.

Manakala di dalam Undang-undang Islam, jenayah berpunca dari pencabulan ke atas maslahah dan kepentingan yang wajib dijaga oleh setiap muslim. Ia berpunca dari lima prinsip utama yang menjadi matlamat terhadap pengawalan individu dengan cara mengawasi segala unsur pembentukan individu itu sendiri samada material atau bukan material. Prinsip tersebut ialah:

1. Memelihara agama.
2. Memelihara jiwa.
3. Memelihara keturunan.
4. Memelihara <sup>o</sup>aqal.
5. Memelihara harta benda.<sup>1</sup>

Di sini, ternyata Islam memberi perhatian yang berat terhadap aspek-aspek yang penting di dalam kehidupan manusia. Syariah bertindak sebagai pengawal kepada semua jenis masyarakat tanpa batasan tempat atau keadaan. Di sinilah jaminan keadilan

mutlak yang dicari oleh semua insan zaman-berzaman. Ia amat berlawanan dengan undang-undang ciptaan yang dipengaruhi oleh nafsu, masa dan sebagainya. Jelas kopada kita botapa mustahaknya undang-undang di dalam kehidupan manusia. Lantaran itu ia telah digariskan bersama perkembangan Agama Islam itu sendiri.

## 2.2 Kategori Jenayah Menurut Islam

◦ Abdul Qadir ◦ Audah telah membahagikan jenayah kepada tiga bahagian iaitu:

1. Jenayah mengonai jiwa secara mutlak seperti pembunuhan.
2. Jenayah mengonai jiwa tetapi tidak secara mutlak seperti pulul-memukul dan melukakan.
3. Jenayah yang tidak mengonai jiwa sesuatu pihak, sebaliknya mengonai pihak yang lain seperti menggugurkan anak dalam kandungan.<sup>2</sup>

Mengikut ◦ Audah juga, jenayah menurut hukuman terbahagi kepada tiga jenis iaitu Hudud, Qisas dan Ta◦zir.

## 2.3 Hudud

Hudud adalah jama◦ dari perkataan 'Had'. Di dalam bahasa Arab bererti sekatan atau sempadan atau tegahan.<sup>3</sup>

As-Sarakhsy menerjemahkan had sebagai nama bagi sanksi yang ditontukan dan wajib dilaksanakan sebagai hak Allah.<sup>4</sup>

Manakala menurut Al-Mawardi pula, Hudud ialah sekatan-sekatan atau deraan-deraan yang ditentukan oleh Allah sebagai balasan kerana melakukan perkara yang ditegah dan meninggalkan perkara yang disuruh.<sup>5</sup>

Hudud adalah ditetapkan oleh Allah. Manusia tidak berhak memindanya, jauh sekali mengingkarinya. Manusia adalah Khalifah Allah yang berkewajipan menunaikan perintah Allah. Di dalam jenayah hudud itu termasuklah:

1. Zina
2. Tuduhan zina
3. Minum arak
4. Mencuri
5. Merompak
6. Murtad
7. Baghyu

#### 2.4. Qisas (Bunuh Balas)

Syariat Islam telah mengenakan hukuman yang berat didalam kes pembunuhan yang sengaja iaitu hukuman bunuh yang dikenali dengan istilah: Al-Qisas. Didalam hukuman ini, Islam tidaklah somata-mata menganggap bahawa ini sebagai tindakbalas terhadap pembunuhan dan untuk menyempurnakan keadilan sahaja, bahkan Islam memandang kepada hukuman tersebut sebagai satu jalan untuk menakut-nakutkan pembunuhan dan mengawal kehidupan individu, juga menjamin kestabilan kemajuan manusia. Didalam hal ini Allah SWT telah berfirman:<sup>6</sup>

وَلَكُمْ فِي الْقِصَاصِ مِنْ حَيَاةٍ يَا أُولَئِكَ الْأَلْبَابُ لِعِلْمٍ تَقُولُونَ

Maksudnya:

"Dan dalam qisas itu ada (jaminan kelangsungan) hidup bagimu, hai orang-orang yang berakal, supaya kamu bertaqwa"

'Para fugaha' telah mebahagikan qisas kepada tiga bahagian iaitu:

1. Pembunuhan Sengaja (الْعَدُ)
2. Pembunuhan Menyerupai Sengaja (شَبَهُ الْعَدُ)
3. Pembunuhan Tersalah (الْخَطَأُ)

Walaubagaimanapun Imam Malik tidak mengakui adanya pembunuhan menyerupai sengaja didalam Islam. Moroka membahagikan kepada dua sahaja iaitu pembunuhan dengan sengaja dan pembunuhan tersalah<sup>7</sup>.

Tetapi bagi Imam As-Syafie, jika ada permuusuhan yang terang dalam masa yang tidak lama dari waktu berlakunya pembunuhan itu, dan wali simati menuduh seseorang yang tertentu, maka wali tersebut dikehendaki bersumpah 50 kali. Selepas dia bersumpah, maka wajib dijatuhkan hukuman qisas ke atas orang tersebut.<sup>8</sup>

## 2.5. Ta'zir

Abu Zahrah mentakrifkan sebagai:

"Ta'zir ialah setiap hukuman yang dikenakan bukan berdasarkan kepada nas syara<sup>o</sup> yang jelas mengonai kadarnya dan sebagainya, tetapi untuk menentukannya ia diserahkan kepada pemerintah atau Kadi yang mujtahid".<sup>9</sup>

Imam Nawawi pula monggariskan hukuman ta'zir sebagai hukuman yang boleh dikenakan pada sebarang maksiat yang tidak ada ketentuan hukumannya ataupun kifarat, dengan hukuman kurungan, pukulan, tamparan ataupun teguran dan lain-lain. Disamping itu juga para hakim berijtihad menentukan jenis dan kadarnya.<sup>10</sup>

Bagi As-Sarbini pula, Ta'zir dari segi bahasa ialah memberi pengajaran atau tunjuk ajar, diambil dari perkataan "تَذَرِّعٌ" yang seerti menegah. Manakala dari segi syara<sup>o</sup>nya pula ialah pengajaran yang dikenakan kepada pesalah kerana melakukan sesuatu perbuatan yang salah atau dosa dimana ia tidak dikonakan hukuman Hudud atau Kaffarat.<sup>11</sup>

Oleh itu dapatlah dirumuskan bahawa hukuman Ta'zir ialah suatu hukuman yang dikenakan keatas orang yang membuat kesalahan dan maksiat atau orang yang mencuaikan kewajiban dimana tidak ditetapkan hukumannya didalam Al-Quran atau Al-Hadith. Hukuman yang dijalankan adalah dengan ijtihad hakim atau pemerintah.

Mengikut Al-Mawardi, Ta'zir adalah untuk mendidik (تَدْبِيبٌ), memilih yang ada maslahah (مَلْحَافٌ)، mendera serta mencegah (نُرْجُسٌ) dan ia adalah berbeza mengikut perbezaan kesalahan.<sup>12</sup>

Ta'zir dikenakan kepada kesalahan yang tidak dikenakan hukuman Hudud dan Qisas dan merupakan kesalahan yang sering dilakukan. Ibnu Taimiah menerangkan bahawa kesalahan itu ialah seperti mencium budak lelaki atau perempuan yang halal baginya untuk berkahwin atau seseorang yang melakukan sesuatu selain dari bersetubuh, makan benda-benda yang tidak dihalalkan, mengkhianati amanah dan lain-lain contoh yang seumpama dengannya.<sup>13</sup>

### 2.5.1. Bahagian Ta'zir

Ta'zir terbahagi kepada tiga iaitu:

1. Ta'zir pada hak Allah.

Iaitu apa-apa kepentingan umum yang tidak ditujukan kepada orang tertontu.<sup>14</sup>

2. Ta'zir pada hak hamba (manusia).

Iaitu mengenai perkara-perkara yang menyentuh maslahat-maslahat tertentu seperti diat dan bayaran gantirugi.<sup>15</sup>

Adapun yang menyentuh hak hamba ialah perkara-perkara yang menyentuh peribadi seseorang atau perkumpulan tertentu seperti memaki atau memukul dan sebagainya.

antara

3. Hak gabungan dihak Allah dan hak manusia.

Pada hakikatnya, setiap hak manusia adalah menyentuh hak Allah kerana Allah mewajibkan berbuat baik sesama manusia dan juga terhadap Allah. Melakukan dosa semasa manusia adalah bererti melanggar amanah Allah.

## 2.5.2. Hukuman Ta'zir

Hukuman Ta'zir adalah berlainan diantara satu sama lain berdasarkan kecil atau besarnya kesalahan dan menurut banyak atau sedikitnya kesalahan yang dilakukan.

Diantaranya ialah seperti dipukul atau ditempelak, ditengking, dicaci, dibangunkan dari tempat duduknya, dicukur kepala bagi yang tidak suka kepalanya dicukur, dikurung, dibuang negeri kurang dari setengah tahun bagi hamba. Penjara juga termasuk didalam hukuman ta'zir.<sup>16</sup>

Mengenai hukuman sebat, 'ulama' berselisih pendapat mengenai jumlah sebatan yang akan dikenakan keatas pesalah. Menurut Mazhab Hanafi, jumlah sebatannya ialah 39 kali.<sup>17</sup> Manakala Mazhab Maliki pula mengatakan ta'zir boleh dilebihkan dari hukuman had dengan sebat, umpamanya boleh disebat lebih dari 100 kali.<sup>18</sup> Manakala Mazhab Syafie mengatakan tidak boleh lebih dari 100 kali sebatan.<sup>19</sup>

## 2.6. Kesimpulan

Jelas kepada kita bahawa Islam amat memberi perhatian yang berat terhadap pengawalan individu dan masyarakat semada dari segi material atau bukan material: dikawal jiwanya, dikawal maruah dan kemuliaan dirinya dan keturunannya serta apa-apa yang borkaitan dengan meroka.

Undang-undang kesiksaan yang diwujudkan oleh Allah SWT iaitu Hudud, Qisas dan Ta'zir adalah merupakan undang-undang yang wajar dan ia perlu dilaksanakan demi melahirkan sebuah negara yang aman dan tenteram.

ENAKMEN PENTADBIRAN UGAMA ISLAM DAN  
ADAT RESAM MELAYU PAHANG 1982 PINDAAN 1987

2.7 Pondahuluan

Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 dikenali juga dengan Enakmen No.8 tahun 1982 mula berkuatkuasa pada 1 Januari 1983 yang membatalkan semua sekali Enakmen Tadbir Agama Islam tahun 1956, Enakmen Tadbir Agama Islam (Pindaan) tahun 1960, Enakmen Tadbir Agama Islam (Pindaan No.2) tahun 1960 dan Enakmen Tadbir Agama Islam (Pindaan) tahun 1963.<sup>20</sup>

Enakmen No.8 tahun 1982 ini telah ditambah jumlah seksyen, bidangkuasa Mahkamah serta beberapa perkara baru termasuk menggariskan acara dalam perbincaraan jenayah dan dalam perbicaraan mal dengan mempunyai lapan bahagian dengan 250 seksyen.

Sejak Enakmen ini dilaksanakan ia dikonali juga dengan panggilan Enakmen Ibu yang telah merubah kedudukan Mahkamah Syariah Negeri Pahang Darul Makmur dengan imej yang baru apabila Mahkamah Syariah Negeri Pahang Darul Makmur semakin dikenali dan dihormati. Apatah lagi setelah beberapa Qadhi dan Pegawai-pegawai Mahkamah mengikuti Kursus Undang-undang di Universiti Islam Antarabangsa yang memperlihatkan suatu peningkatan yang lebih baik dan lebih berasen kepada pentadbiran Mahkamah Syariah Pahang.

Dalam jangka masa lebih kurang tujuh tahun Enakmen Ibu ini dilaksanakan dan diluaskan, beberapa undang-undang yang dulunya torkandung di dalamnya telah dipisahkan menjadi Undang-undang yang berasingan. Berikutnya dengan itu beberapa Bahagian dan seksyen telah dibatalkan atau dipindah dan dipecahkan menjadi Enakmen yang berasingan iaitu Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 1987 dan Enakmen Kotorangan Mahkamah Syariah. Oleh itu Enakmen Ibu ini juga dikonali dengan Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang 1982, Pindaan 1987.